

Headline	Pendapatan TNB merosot 2.2 peratus		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	28 Apr 2016	Readership	3,812,000
Circulation	1,270,667	Page No	56
Section	Bisnes	Journalist	N/A
ArticleSize	90 cm ²		
PR Value	RM 6,231		



Pendapatan TNB merosot 2.2 peratus

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB), syarikat utiliti negara, mencairkan pendapatan sebanyak RM21.17 bilion bagi separuh pertama tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2016, menyusut 2.2 peratus berbanding RM21.64 bilion yang dilaporkan untuk tempoh sama tahun sebelumnya.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Azman Mohd berkata,

kemerosotan pendapatan itu disebabkan pengiktirafan jumlah lebihan pemulihan pelepasan kos tidak seimbang (ICPT) sebanyak RM1.39 billion, kesan dari pada penurunan kos penjanaan berikutan harga bahan api yang rendah.

Menurutnya, keuntungan selepas cukai bagi tempoh sama dicatatkan pada RM3.28 bilion, susut 26.9 peratus berbanding RM4.48

bilion yang direkodkan tempuh sama tahun lalu.

Katanya, pelaporan jumlah ICPT dalam penyata kewangan TNB telah dilaksanakan buat pertama kalinya pada suku ketiga tahun kewangan 2015 dan hasilnya keuntungan selepas cukai TNB yang diselaras dengan cukai bagi separuh pertama tahun ini mencatatkan peningkatan sebanyak 7.7 peratus pada RM3.07 bilion

yang disumbangkan terutama pertumbuhan permintaan unit elektrik sebanyak 3.6 peratus.

“Syarikat terus mendapat faedah melalui perlaksanaan ICPT di bawah sistem kawalselia berdasarkan insentif (IBR) dalam konteks pulangan yang stabil dan pendedahan terhad TNB dari pada kesan kos penjanaan,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.